

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 12.08.2025 MASA: 8.00AM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KEMPEN HENTIKAN
PLASTIK SEKALI GUNA (*NO SINGLE USE PLASTIC*)
DAN MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA
PASAR AWAM BAGAN AJAM**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**13 OGOS 2025 (RABU)
9.00 PAGI**

**PASAR AWAM BAGAN AJAM, BUTTERWORTH
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berbahagia Puan Tan Lean Kee
Pengerusi Pertubuhan Wanita Mutiara

Yang Berhormat Puan Phee Syn Tze
ADUN Sungai Puyu

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri bin Mohamed Sarajudin
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras
Majlis Perasmian Program Kempen Hentikan Plastik Sekali Guna
Dan Pusat Kitar Semula Pasar Awam Bagan Ajam

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Wakil-Wakil Majlis Pengurusan Komuniti Kampung

Para-Para Peniaga

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini dalam **Majlis Perasmian Program Kempen Hentikan Plastik Sekali Guna (No Single Use Plastic) dan Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Pasar Awam Bagan Ajam.**
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kehadiran Yang Amat Berbahagia Puan Tan Lean Kee, selaku Penggerusi Pertubuhan Wanita Mutiara dan Yang Berhormat Puan Phee Syn Tze, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sungai Puyu ke majlis ini. Kehadiran Yang Amat Berbahagia dan Yang Berhormat bukan sahaja menyerikan majlis ini, malah mencerminkan komitmen padu Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta Pertubuhan Wanita Mutiara dalam memperjuangkan agenda kelestarian alam sekitar, khususnya dalam usaha mengurangkan penggunaan plastik sekali guna di Seberang Perai.

3. Tidak lupa juga, saya merakamkan setulus penghargaan kepada semua hadirin, khususnya para tetamu, rakan strategik, para penjaja serta komuniti setempat yang turut hadir menjayakan majlis yang saya sifatkan berimpak tinggi serta sarat dengan nilai kelestarian.
4. Sejak tahun 2019, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai langkah proaktif untuk mengawal dan mengurangkan pencemaran plastik. Antara inisiatif utamanya adalah pengurangan penggunaan plastik sekali guna, termasuk beg plastik, straw minuman dan bekas makanan, khususnya di premis-premis makanan. Langkah ini bukan sahaja menyasar kepada pemeliharaan alam sekitar, malah membentuk gaya hidup masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan mesra alam.
5. Hari ini, kita melangkah setapak lagi dengan pelancaran Kempen Hentikan Plastik Sekali Guna (*No Single Use Plastic*) di Pasar Awam Bagan Ajam. Kempen ini didukung penuh oleh Pertubuhan Wanita Mutiara dengan penyediaan 150 unit mangkuk tingkat (*tiffin*) sebagai alternatif kepada bekas plastik sekali guna, yang diagihkan kepada 66 orang penjaja, ahli komuniti setempat serta para pengunjung.
6. Langkah ini jelas membuktikan bahawa perubahan tingkah laku bermula daripada tindakan kecil yang dilaksanakan secara konsisten. Apabila seluruh komuniti berganding bahu, tindakan tersebut mampu

melahirkan kesan positif yang besar terhadap kelestarian alam sekitar. Inisiatif ini juga menjadi simbol iltizam bersama bahawa setiap individu mempunyai peranan penting dalam mengurangkan pencemaran plastik sekali guna, sekali gus memelihara bumi demi kesejahteraan generasi akan datang.

7. Pada hari ini juga, kita menyaksikan satu lagi pencapaian bermakna, perasmian Pusat Kitar Semula Pasar Awam Bagan Ajam. Penubuhan pusat ini bukan sekadar menyediakan kemudahan pengurusan sisa, tetapi menjadi pusat rujukan komuniti untuk mengamalkan prinsip *8R*: *Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover* dan *Recycle*.
8. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Encik Chong Wei Hoong, Ahli Majlis MBSP, atas sumbangan papan tanda pusat kitar semula bernilai RM2,000.00 serta kepada syarikat KGreen Enviro Tech Sdn. Bhd. yang akan menguruskan pusat ini. Sumbangan dan kerjasama seperti ini membuktikan bahawa sektor awam, swasta dan komuniti mampu berganding bahu demi agenda alam sekitar.
9. Harapan saya, kempen dan pusat kitar semula ini menjadi pemangkin kepada perubahan berterusan dalam cara kita mengurus sumber dan sisa. Saya ingin melihat Seberang Perai bukan sekadar bandaraya

yang bersih dan indah, tetapi bandaraya rendah karbon yang Berdayahuni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar.

10. Biar usaha ini menjadi teladan bahawa kesejahteraan generasi akan datang bermula daripada tindakan berani kita hari ini. Seiring dengan semangat Penang2030 dan Malaysia MADANI, marilah kita memupuk kesedaran, mengubah amalan dan memperkuuh iltizam menjaga bumi tercinta ini.
11. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Puan Tan Lean Kee yang sudi merasmikan majlis ini, Yang Berhormat Puan Phee Syn Tze, para Ahli Majlis serta seluruh warga kerja MBSP yang hadir memberikan sokongan padu terhadap usaha-usaha murni ini. Semoga kerjasama erat ini terus subur demi menjayakan agenda kelestarian alam sekitar di Seberang Perai.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***